

MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 2

18hb Januari 2007

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 12.

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN
PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2007.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. diberi kuasa bagi tempoh dari 15 Februari 2007 sehingga 4 Februari 2028 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam ruang (2), (3)

dan (4) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth yang bermula—

- (a) dari kilometer 0.00 (di koordinat U-25758, T-6117 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang) hingga ke kilometer 13.925 (di koordinat U-33420, T-8107 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang) termasuk Persimpangan Bertingkat Perai Lama, Persimpangan Bertingkat Dermaga Dalam, Persimpangan Bertingkat Terminal Feri, Persimpangan Bertingkat Terminal Kontena (NBCT), Persimpangan Bertingkat Bagan Ajam, Persimpangan Bertingkat Bagan Lalang dan jalan-jalan sambungan termasuk Plaza Tol Perai dan Plaza Tol Bagan Ajam, iaitu suatu jarak sepanjang 13.925 kilometer; dan
- (b) dari kilometer 0.00 (di koordinat S-1466, T-2600 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang) hingga ke kilometer 5.00 (di koordinat S-2470.7, T-7388.1 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang) termasuk Plaza Tol Sungai Nyior, iaitu suatu jarak sepanjang 5.00 kilometer,

oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.

(2) Jalan-jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pembayaran tol

3. (1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki Plaza Tol Perai yang terletak di kilometer 2.20 dan Plaza Tol Bagan Ajam yang terletak di kilometer 8.80 (kedua-dua jarak diukur dari permulaan kilometer 0.00 di koordinat U-25758, T-6117 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang) dan Plaza Tol Sungai Nyior yang terletak di kilometer 1.70 (jarak diukur dari Persimpangan Bertingkat Terminal Kontena (NBCT) di kilometer 0.00 di koordinat S-1466, T-2600 Grid Cassini Negeri Pulau Pinang).

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(3) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan tag elektronik hendaklah, sebelum melalui lorong tag elektronik yang dihaskan, mempamerkan tag elektronik atau tag elektronik dengan kad atau peranti elektronik yang sah di cermin hadapan kenderaan itu dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada tag elektronik atau kad atau peranti elektronik itu.

(4) “Kad atau peranti elektronik” dan “tag elektronik” yang disebut dalam perenggan ini ertinya—

- (a) kad atau peranti elektronik dan tag elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol;
- (b) berhubung dengan kad atau peranti elektronik, kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol; dan
- (c) berhubung dengan tag elektronik, tag elektronik yang boleh menyebabkan palang di lorong tag elektronik yang dikhaskan dinaikkan secara elektronik.

Pengecualian daripada pembayaran tol

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, tiada tol apa-apa dibayar berkenaan dengan mana-mana kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

JADUAL PERTAMA

[subperenggan 2(1)]

KADAR TOL


(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Kelas kenderaan</i>	<i>Tol kena dibayar (Plaza Tol Perai)</i>	<i>Tol kena dibayar (Plaza Tol Bagan Ajam)</i>	<i>Tol kena dibayar (Plaza Tol Sungai Nyior)</i>
	(RM)	(RM)	(RM)
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas)	RM1.30	RM1.20	RM0.90
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)	RM2.60	RM2.40	RM1.80
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)	RM3.90	RM3.60	RM2.70
4. Teksi	RM0.70	RM0.60	RM0.50
5. Bas	RM1.30	RM1.20	RM0.90

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL KEDUA

[subperenggan 2(2)]

PETA: LEBUH RAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH



JADUAL KETIGA

[perenggan 4]

KENDERAAN YANG DIKECUALIKAN

1. Kenderaan yang membawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja atau Permaisuri-Permaisuri Baginda, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau isteri-isteri mereka, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin atau isteri-isteri mereka, Tengku Mahkota atau Raja Muda mana-mana Negeri atau isteri-isteri mereka, Raja Di-Hilir Perak atau isterinya, atau mana-mana pembesar asing yang datang melawat.
2. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.
3. Semua kenderaan tentera yang dimiliki oleh Kerajaan atau mana-mana angkatan pelawat sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Angkatan Pelawat 1960 [Akta 432].
4. Semua kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, melawan kebakaran, tugas polis atau tugas menyelamatkan termasuk kenderaan pasukan penyelamat dari Jabatan Pertahanan Awam dan kenderaan dari Jabatan Penjara semasa menjalankan tugas mengiringi banduan.
5. Semua kenderaan bukan kepunyaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran dan menyelamatkan.
6. Semua motosikal beroda tiga atau beroda empat yang digunakan oleh mana-mana orang cacat.
7. Kenderaan Kelas O ertinya mana-mana kenderaan yang mempunyai dua gandar dan dua roda.

Dibuat 28 Disember 2006
[KKR.PUU. 110-1/7/16; PN(PU³)426/XXV]

DATO' SERI S. SAMY VELLU
Menteri Kerja Raya

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) ACT 1984

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS)
(BUTTERWORTH OUTER RING ROAD) ORDER 2007

In exercise of the powers conferred by section 2 of the Federal Roads (Private Management) Act 1984 [Act 306], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Private Management) (Collection of Tolls) (Butterworth Outer Ring Road) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 15 February 2007.

Authorisation to collect tolls

2. (1) Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. is authorised for the period from 15 February 2007 to 4 February 2028 to demand, collect and retain the appropriate tolls specified in columns (2), (3) and (4) of the First Schedule for the use in either direction of any part of the road known as the Butterworth Outer Ring Road which commences—

- (a) from kilometre 0.00 (at coordinates N-25758, E-6117 of the Penang State Cassini Grid) up to kilometre 13.925 (at coordinates N-33420, E-8107 of the Penang State Cassini Grid) including the Perai Lama Interchange, Dermaga Dalam Interchange, Terminal Feri Interchange, Terminal Kontena (NBCT) Interchange, Bagan Ajam Interchange, Bagan Lalang Interchange and the connecting roads including the Perai Toll Plaza and Bagan Ajam Toll Plaza, being a distance of 13.925 kilometres; and
- (b) from kilometre 0.00 (at coordinates S-1466, E-2600 of the Penang State Cassini Grid) up to kilometre 5.00 (at coordinates S-2470.7, E-7388.1 of the Penang State Cassini Grid) including the Sungai Nyior Toll Plaza, being a distance of 5.00 kilometres,

by the classes of vehicles specified in column (1) of the First Schedule.

(2) The roads specified in subparagraph (1) for the use of which tolls are authorised to be demanded, collected and retained are shown on the map in the Second Schedule.

Payment of toll

3. (1) The toll referred to in subparagraph 2(1) shall be payable by the driver of a vehicle before entering the Perai Toll Plaza situated at kilometre 2.20 and Bagan Ajam Toll Plaza situated at kilometre 8.80 (both distances measured from kilometre 0.00 at coordinates N-25758, E-6117 of the Penang State Cassini Grid) and Sungai Nyior Toll Plaza situated at kilometre 1.70 (distance measured from Terminal Kontena (NBCT) Interchange as at kilometre 0.00 at coordinates S-1466, E-2600 of the Penang State Cassini Grid).

(2) A driver of a vehicle who uses an electronic card or device shall pass through a toll lane having an electronic card or device reader, approach the reader and touch the electronic card or device on the reader, and the toll payable shall be deducted from the electronic card or device.

(3) A driver of a vehicle who uses an electronic tag shall, before passing through the dedicated electronic tag lane, display the electronic tag or the electronic tag with a valid electronic card or device at the windscreen of the vehicle and the toll payable shall be deducted from the electronic tag or the electronic card or device.

(4) “Electronic card or device” and “electronic tag” referred to in this paragraph means—

- (a) an electronic card or device and electronic tag as approved by the Minister, issued for the purpose of payment of tolls;
- (b) in relation to an electronic card or device, an electronic card or device which is capable of being read by the reader installed at the toll lane; and
- (c) in relation to an electronic tag, an electronic tag which is capable of causing the pole at the dedicated electronic tag lane to be raised electronically.

Exemption from payment of toll

4. Notwithstanding the provisions of this Order, no toll shall be payable in respect of any of the vehicles specified in the Third Schedule.

FIRST SCHEDULE

[subparagraph 2(1)]

RATES OF TOLLS


(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Classes of vehicles</i>	<i>Toll payable (Perai Toll Plaza)</i>	<i>Toll payable (Bagan Ajam Toll Plaza)</i>	<i>Toll payable (Sungai Nyior Toll Plaza)</i>
	(RM)	(RM)	(RM)
1. Vehicles having two axles and three or four wheels (excluding taxis and buses)	RM1.30	RM1.20	RM0.90
2. Vehicles having two axles and five or six wheels (excluding buses)	RM2.60	RM2.40	RM1.80
3. Vehicles having three axles or more (excluding buses)	RM3.90	RM3.60	RM2.70
4. Taxis	RM0.70	RM0.60	RM0.50
5. Buses	RM1.30	RM1.20	RM0.90

For the purpose of calculating the number of axles and wheels of a vehicle, the axles and wheels of any trailer towed by the vehicle shall be included as part of the axles and wheels of the vehicle.

SECOND SCHEDULE

[subparagraph 2(2)]

MAP: BUTTERWORTH OUTER RING ROAD



THIRD SCHEDULE

[paragraph 4]

EXEMPTED VEHICLES

1. Vehicles carrying Their Majesties the Yang di-Pertuan Agong or the Raja Permaisuri Agong, Their Highnesses the Rulers or their consorts, the Yang di-Pertua Negeri of the States of Malacca, Penang, Sabah and Sarawak or their wives, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan or the Tengku Besar Tampin or their wives, the Tengku Mahkota or the Raja Muda of any State or their wives, the Raja Di-Hilir of Perak or his wife, or any visiting foreign dignitary.
2. Any Government vehicle carrying the Prime Minister or the Deputy Prime Minister.
3. All military vehicles belonging to the Government or any visiting force as defined in the Visiting Forces Act 1960 [*Act 432*].
4. All Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire-fighting, police duties or rescue duties inclusive of rescue teams vehicles from the Civil Defence Department and vehicles from the Prison Department whilst on prisoners escort duties.
5. All non-Government vehicles solely engaged in ambulance duties, fire-fighting and rescue duties.
6. All three-wheeled or four-wheeled motorcycles used by any handicapped person.
7. Class O vehicles means any vehicle having two axles and two wheels.

Made 28 December 2006
[KKR.PUU. 110-1/7/16; PN(PU²)426/XXV]

DATO' SERI S. SAMY VELLU
Minister of Works

P.U. (A) 13.

AKTA SYARIKAT 1965

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN DITETAPKAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 373(g) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan dibaca bersama dengan perenggan 6A(9)(d) Akta 125, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Kepentingan Ditetapkan) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 Oktober 2005.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Syarikat 1965;

“Kepentingan ditetapkan”, berhubung dengan suatu kepentingan yang disebut dalam subseksyen 6A(4) Akta, ertinya suatu kepentingan yang hendaklah tidak diambil kira sebagai kepentingan anggapan bagi maksud perenggan 6A(9)(d) Akta.

Kepentingan yang ditetapkan

3. Suatu kepentingan di bawah subseksyen 6A(4) Akta bagi seseorang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual, dalam suatu syer yang sesuatu pertubuhan perbadanan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual mempunyai kepentingan dalam syer itu, adalah kepentingan ditetapkan.

JADUAL

(1) <i>Orang</i>	(2) <i>Pertubuhan perbadanan</i>
1. The Capital Group of Companies, Inc.	Capital Research and Management Company dan mana-mana subsidiarinya
2. The Capital Group of Companies, Inc.	Capital Group International, Inc. dan mana-mana subsidiarinya
3. Capital Research and Management Company dan mana-mana subsidiarinya	Capital Group International, Inc. dan mana-mana subsidiarinya
4. Capital Group International, Inc. dan mana-mana subsidiarinya	Capital Research and Management Company dan mana-mana subsidiarinya

Dibuat 3 Januari 2007
[P.S. 0.92; PN(PU²)4/VII]

DATUK HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

COMPANIES ACT 1965

COMPANIES (PRESCRIBED INTEREST) REGULATIONS 2007

In exercise of the powers conferred by paragraph 373(*g*) of the Companies Act 1965 [*Act 125*] and read together with paragraph 6A(9)(*d*) of Act 125, the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies (Prescribed Interest) Regulations 2007**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 6 October 2005.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Companies Act 1965;

“prescribed interest”, in relation to an interest as referred to in subsection 6A(4) of the Act, means an interest that shall be disregarded as a deemed interest for the purpose of paragraph 6A(9)(*d*) of the Act.

Prescribed interest

3. An interest under subsection 6A(4) of the Act of a person specified in column (1) of the Schedule, in a share which a body corporate specified in column (2) of the Schedule has an interest in that share, is prescribed interest.

SCHEDULE

(1) <i>Person</i>	(2) <i>Body corporate</i>
1. The Capital Group of Companies, Inc.	Capital Research and Management Company and any of its subsidiary
2. The Capital Group of Companies, Inc.	Capital Group International, Inc. and any of its subsidiary
3. Capital Research and Management Company and any of its subsidiary	Capital Group International, Inc. and any of its subsidiary

(1) <i>Person</i>	(2) <i>Body corporate</i>
4. Capital Group International, Inc. and any of its subsidiary	Capital Research and Management Company and any of its subsidiary

Made 3 January 2007
[P.S. 0.92; PN(PU²)4/VII]

DATUK HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs

P.U. (A) 14.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENGALAKAN EKSPORT) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pengalakan Eksport) 2007**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

Syarikat yang layak mendapat potongan

2. Tiap-tiap syarikat yang bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah layak untuk mendapatkan suatu potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran itu.

Potongan

3. (1) Dalam menentukan pendapatan larasan suatu syarikat daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan daripada jenis yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang telah dilakukan—

- (a) oleh syarikat itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan perniagaan itu; dan
- (b) terutamanya dan khususnya bagi maksud menggalakkan eksport barangan atau keluaran pertanian yang dikilang, dikeluarkan, diproses, digred atau diasing dan dipasang di Malaysia.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) adalah perbelanjaan berkenaan dengan pendaftaran paten, cap dagangan dan pelesenan barangan di luar negara.

(3) Amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) adalah bersamaan dengan dua kali amaun belanja pasti dan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pembatalan

4. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penggalakan Eksport) (No. 2) 2002 [*P.U. (A) 116/2002*] dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penggalakan Eksport) (No. 2) (Pindaan) 2002 [*P.U. (A) 355/2002*] dibatalkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

Dibuat 28 Disember 2006

[Perb. 0.3865/73 (Sj. 45) Vol. 2 (Sk. 2)(6);

LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-11 Klt. 2; PN(PU²)80/XLIX]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PROMOTION OF EXPORTS) RULES 2007

In exercise of the powers conferred by paragraph 151(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Promotion of Exports) Rules 2007**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation from the year of assessment 2006.

Company eligible for deduction

2. Every company resident in Malaysia in the basis period for a year of assessment shall be eligible for a deduction under these Rules for that year of assessment.

Deduction

3. (1) In ascertaining the adjusted income of a company from its business in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction any outgoings and expenses of the kind described in subrule (2) which were incurred—

- (a) by the company in the basis period for that year of assessment in respect of that business; and
- (b) primarily and principally for the purpose of promoting the exports of goods or agricultural products manufactured, produced, processed, graded or sorted and assembled in Malaysia.

(2) The outgoings and expenses referred to in subrule (1) are expenses in respect of registration of patents, trademarks and product licensing overseas.

(3) The amount of deduction allowed under subrule (1) shall be equivalent to twice the amount of outgoings and expenses allowed under these Rules.

Revocation

4. The Income Tax (Deduction for Promotion of Exports) (No. 2) Rules 2002 [*P.U. (A) 116/2002*] and the Income Tax (Deduction for Promotion of Exports) (No. 2) (Amendment) Rules 2002 [*P.U. (A) 355/2002*] are revoked with effect from the year of assessment 2006.

Made 28 December 2006

[Perb. 0.3865/73 (Sj. 45) Vol. 2 (Sk. 2)(6);

LHDN. 01/35/(S)/42/51/82-11 Klt. 2; PN(PU²)80/XLIX]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]

P.U. (A) 15.**AKTA KASTAM 1967**

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)
(No. 2) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 2) 2007** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 18 Januari 2007 hingga 31 Januari 2007.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 1996 [*P.U. (A) 15/96*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 2) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 2) Order 2007** and shall have effect for the period from 18 January 2007 to 31 January 2007.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 1996 [*P.U. (A) 15/96*], the value of each of the dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Sub. Kepala (Heading No.)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:			
Tapis Blend	2709.00.100	per barrel	RM209.99
Labuan Crude	2709.00.100	per barrel	RM209.99
Miri Light Crude	2709.00.100	per barrel	RM209.99
Dulang	2709.00.100	per barrel	RM208.94
Bintulu Crude	2709.00.100	per barrel	RM208.94
Terengganu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM205.79

Barang (Goods)	Sub. Kepala (Heading No.)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
Bintulu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM206.14
Masa	2709.00.100	per barrel	RM215.55
Asam Paya	2709.00.100	per barrel	RM252.38
Kidurong	2709.00.100	per barrel	RM216.60
Penara Blend	2709.00.100	per barrel	RM193.34
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00.100	per barrel	RM252.38
Cakerawala Condensate	2709.00.900	per barrel	RM227.37
Angsi Crude	2709.00.100	per barrel	RM208.52
Cendor Crude	2709.00.100	per barrel	RM205.51

Dibuat 12 Januari 2007

Made 12 January 2007

[KE.HT(34.11)819/01-1/Klt. 9/(01); R.9003/54z-40;
PN(PU²)338/VIII/Klt. 3(01)]

Dengan arahan Menteri Kewangan.

By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATUK AZIYAH BINTI BAHAUDDIN

Setiausaha

Bahagian Analisa Cukai

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA